

**SEJARAH DAN PERKEMBANGAN *TECHNO-HUFFAZ*
DI POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN
ABDUL AZIZ SHAH**

Muhammad Sofiyuddin bin Zakaria¹

Nor Aisah binti Abu Samah²

Arifah Mursyidah Binti Illiashaq³

Abstrak

Pengajian tahfiz di Malaysia semakin berkembang dan mendapat sambutan di kalangan ibu bapa. Kelambakan pusat tahfiz dan metode pengajian yang diperkenalkan menjadikan pengajian tahfiz bidang yang menarik untuk diceburi. Namun begitu isunya muncul apabila para graduan tahfiz tidak mempunyai ruang dan peluang untuk menyambung pengajian di peringkat tinggi tanpa perlu meninggalkan rutin murajaah hafalan mereka. Kajian ini akan memperkenalkan Program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-Politeknik atau lebih dikenali sebagai Program Techno-Huffaz yang dijalankan di Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan metode historis dan ilmiah sebagai dasar penyelidikan. Bukan itu sahaja, kajian tinjauan turut dilaksanakan sepanjang kajian dijalankan. Program ini telah pun memasuki tahun kelima sejak ia mula diperkenalkan pada tahun 2017 dan berjaya menghasilkan graduan yang

¹ Penyelaras Techno-Huffaz, Jab. Pengajian Am. PSA

² Pensyarah Kanan Tahfiz, Jab. Pengajian Am. PSA

³ Pensyarah Tahfiz, Jab. Pengajian Am. PSA

mempunyai kesepaduan di dalam ilmu teknikal dan tahfiz secara serentak. Kemampuan pelajar tahfiz untuk meneroka bidang teknologi tanpa perlu meninggalkan sesi murajaah al-quran dilihat sangat mampan dan memenuhi kedua-dua bidang pengajian secara holistik. Sekiranya program ini dikekalkan dan ditambah baik saban tahun ianya bakal memberi impak yang sangat hebat dalam melahirkan individu yang membudayakan al-quran dan menjiwai watak Ulul Albab di dalam kehidupan seharian.

Kata Kunci: *Tahfiz, Techno-Huffaz, Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA)*

1. PENDAHULUAN

Tahfiz al-Quran merupakan bidang pendidikan yang terawal dalam sejarah Islam. Pada zaman Rasulullah S.A.W, al-Quran dihafal dan ditulis supaya kekal terpelihara. Kini Pendidikan Tahfiz semakin mendapat tempat dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Institusi-institusi tahfiz semakin bertambah dengan menawarkan sistem pendidikan tersendiri dan kurikulum yang pelbagai. (Azmil Hashim 2015)

Institusi Pendidikan Tinggi juga tidak ketinggalan dalam menawarkan Pendidikan Tahfiz kepada masyarakat. Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) memulakan langkah bekerjasama dengan Darul Quran, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dengan menyediakan peluang kepada pelajar menceburi bidang tahfiz dan kejuruteraan secara bersepadu. Kemudian langkah tersebut diikuti oleh *Cyberjaya University College of Medical Sciences (CUCMS)* pada

tahun 2014, dan berkembang ke Universiti Teknikal Malaysia (UTeM) pada tahun 2016, seterusnya Politeknik pada tahun 2017. (Muhammad Toriq Yaacob 2018)

Politeknik Malaysia mengambil pendekatan menawarkan pengajian tahfiz dengan menjadikan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Shah Alam (PSA) sebagai perintis bagi melaksanakan Program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-Politeknik dibawah penjenamaan Program *Techno-Huffaz* bersama-sama pengajian diploma sedia ada. Hal ini selari dengan visi politeknik sebagai Peneraju Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang unggul dengan halatuju melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang (polycc.edu.my). Melalui usaha ini, pelajar PSA yang mengikuti Program *Techno-Huffaz* mempunyai nilai tambah dalam pengajian diploma mereka setelah tamat pengajian berbanding graduan lain.

2. SEJARAH POLITEKNIK SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH (PSA)

Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah (PSA) merupakan politeknik ke-8 di Malaysia yang beroperasi sejak Januari 1997 dibawah pimpinan, Dato' Yusoff bin Harun sebagai Pengarah pertama. Kedudukannya yang strategik terletak di ibu negeri Selangor, Shah Alam, serta berkeluasan 112 ekar menjadikan PSA pilihan utama bagi pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) untuk menyambung pengajian ke peringkat diploma. Dengan kapasiti 57 orang staf dan

kakitangan, PSA mengorak langkah dengan pengambilan pertamanya, sesi Julai 1997 seramai 640 pelajar.

Pada peringkat awal, PSA dikenali dengan Politeknik Shah Alam sebelum mendapat perkenan daripada DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah pada 8 Mac 2002 untuk dijenamakan semula sebagai Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah bersempena nama Almarhum DYMM Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agung ke XI. Terdapat enam jabatan akademik di PSA yang terdiri daripada empat jabatan induk iaitu Jabatan Kejuruteraan Awam (JKA), Jabatan Kejuruteraan Elektrik (JKE), Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Jabatan Perdagangan (JPG) serta dua jabatan sokongan akademik iaitu Jabatan Matematik Sains & Komputer (JMSK) dan Jabatan Pengajian Am (JPA).

Slogannya “*Passionate, Synergize, Agile*” sangat bertepatan dengan moto PSA sendiri iaitu *PSA: POLITEKNIK PILIHAN UTAMA*. Hal ini terbukti apabila gagasan yang dibawa ini mendapat pengiktirafan apabila PSA telah dinaiktaraf sebagai salah sebuah Politeknik Premier⁴ pada 25 Februari 2010 setanding dengan Politeknik

⁴ Politeknik Premier merujuk kepada politeknik yang menawarkan tiga program peringkat pengajian iaitu Diploma, Diploma Lanjutan dan Ijazah Sarjana Muda. Hal ini sedikit berbeza dengan Politeknik Konvensional dan Politeknik Metro yang hanya menawarkan pengajian di peringkat Diploma dan Sijil sahaja. Permohonannya adalah melalui permohonan UPU secara atas talian. Di Malaysia terdapat tiga daripada 36 politeknik sahaja yang telah dinaik taraf sebagai Politeknik Premier. Rujukan <http://ambilan.mypolycc.edu.my/portalbpp2/index.asp> pada 25 Mac 2023.

Ungku Omar dan Politeknik Ibrahim Sutan. Penganugerahan ini telah disampaikan oleh Tan Sri Muhyidin bin Yassin, selaku Timbalan Perdana Menteri pada ketika itu di PICC Putrajaya.

3. TECHNO-HUFFAZ DI PSA

Di dalam bahagian ini akan diterangkan secara ringkas latar belakang serta pendefinisian istilah yang menjadi pilihan. Kupasannya adalah seperti berikut:

3.1 LATAR BELAKANG

Satu Resolusi Seminar Kebangsaan Penyelidikan dan Pendidikan Islam Politeknik 2014 (SKPI'14) pada tahun 2014 telah diadakan bagi membincangkan isu-isu Pendidikan Islam. Salah satu daripadanya adalah bagi mewujudkan platform pendidikan tahfiz di peringkat pengajian tinggi-politeknik (Alias Mat Saad 2014). Pada dasarnya, usul yang dibawa adalah ingin memperkenalkan Program Tahfiz Model Ulul Albab yang akan digabungkan dengan disiplin ilmu lain seperti sains dan teknologi, kejuruteraan dan bidang-bidang yang dilihat mampu memenuhi keperluan industri di tanah air.

Pada tahun 2015, usul yang dibawa ini telah disambut dengan baik di peringkat Jabatan Pengajian Politeknik (JPP) dengan mencadangkan supaya Program Tahfiz Model Ulul Albab ini diganti dengan Program Laluan Khas Lepas Pusat Tahfiz ke

Politeknik (PLK Tahfiz Politeknik). Hal ini, rentetan daripada perbincangan dalam Seminar Pendidikan Islam Sepanjang Hayat (PISH) bagi mengatasi isu akreditasi dan pengiktirafan program tahfiz yang ditawarkan di sebahagian besar Maahad tahfiz dan pondok di Malaysia di samping membuka peluang kepada pelajar lepasan tahfiz dan Maahad untuk menyambung pengajian di peringkat lebih tinggi. (Yusni Mohamad Yusak 2016)

Pada tahun 2016, PSA telah memulakan inisiatif dengan melaksanakan *Pilot Project* iaitu Program Pra Tahfiz Al-Quran al-Karim bermula 23 Julai sehingga 04 November pada tahun yang sama. Program kursus jangka masa pendek ini bertujuan untuk memberi impak yang positif kepada PSA sendiri sebagai pusat pengajian TVET berserta sijil tahfiz yang unggul. Bukan itu sahaja, pelaksanaan program ini juga dijalankan bagi membina usahasama professional dengan Darul Quran JAKIM sebagai entiti yang berkenaan bagi pentauliahan hafazan al-Quran kepada pelajar PSA. Kaedah pelaksanaannya adalah selari dengan mod pengajian diploma atau sarjana muda semasa. Satu jam kelas hafazan akan dijalankan pada sebelah malam pada setiap hari dengan satu jam kelas tasmik pada hari minggu bermula 7 pagi sehingga 8 pagi serta tambahan kelas agama yang dilaksanakan pada hari Sabtu, bermula jam 8 pagi sehingga 6 petang. Di penghujung program, pelajar yang telah berjaya menghafaz sekurang-kurangnya tiga juzuk akan dianugerahkan sijil setelah

hafazan mereka dinilai oleh tenaga pengajar dari madarrasah berhampiran dengan PSA. (Yusoff 2016)

Rentetan daripada sambutan yang luar biasa daripada kursus jangka masa pendek pada tahun sebelumnya, pada tahun 2017, Politeknik Malaysia meneruskan hubungan kolaborasi bersama Darul Quran, JAKIM dengan menjadikan PSA sebagai perintis kepada Program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-Politeknik dengan pengajian diploma sedia ada. Peringkat awal pelaksanaan, program ini hanya dibuka kepada pelajar Program Diploma Pengajian Perniagaan, Jabatan Perdagangan bagi ambilan sesi Jun 2017. (Rashid 2016)

PSA mengorak langkah lebih jauh pada tahun 2019 dengan membuka laluan kemasukan kepada pelajar-pelajar daripada tiga lagi program pengajian iaitu Program Diploma Kejuruteraan Mekanikal, Diploma Kejuruteraan Awam dan Diploma Kejuruteraan Elektrik (Komunikasi). Selaras dengan visi politeknik sebagai peneraju Institusi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) yang unggul dengan halatuju melahirkan graduan holistik, berciri keusahawanan dan seimbang, *Techno-Huffaz* mampu melahirkan graduan yang mahir dalam bidang teknikal dan berkebolehan dalam bidang tahfiz al-Quran seimbang duniawi dan ukhrawi. Berikut adalah objektif pelaksanaan Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran di PSA (Yusni Mohamad Yusak 2016) :

- i. Melahirkan graduan TVET yang global dan holistik.

- ii. Membina masyarakat yang *multi-tasking* dan *multi-skilling* dalam mendepani cabaran global.
- iii. Menjalinkan kolaborasi strategik akademik dengan institusi yang berkaitan.

3.2 DEFINISI TECHNO-HUFFAZ

Penggunaan istilah “*Techno*” merupakan singkatan kepada *Technocrat* yang merujuk kepada orang yang mahir dalam bidang teknikal dan mempunyai kepakaran dalam bidang teknologi (Kamus Dewan, 2005). *Huffaz* pula merupakan kata gandaan kepada sekumpulan *hafiz* yang membawa maksud orang yang memelihara dan mengekalkan al-Quran dalam ingatannya. Kebiasaannya, golongan ini juga diberi gelaran *al-hafiz* atas tanggungjawab yang dipikul oleh mereka dalam memelihara al-Quran. (Pustaka 2018)

Selaras dengan nama *Techno-Huffaz*, PSA mampu melahirkan teknokrat muslim dalam bidang kepakaran masing-masing yang berlatar belakang seorang penghafal al-Quran. Mengambil ibrah kisah Zulqarnain yang diabadikan dalam surah al-Kahfi, menggunakan kemahiran membina tembok besi untuk berlindung daripada serangan Yakjuj dan Makjuj yang melakukan kerosakan serta keganasan di atas muka bumi. (Syihab 2002)

4. PENGAMBILAN KEMASUKAN PELAJAR

Pengambilan pelajar generasi pertama adalah pada tahun 2017 seramai 9 orang. Generasi kedua 9 orang, generasi ketiga 6 orang dan generasi keempat 18 orang. Berikut adalah unjuran kemasukan pelajar ke program *Techno-Huffaz* di PSA (psa.mypolycc.edu.my)

Jadual 1: Unjuran Kemasukan Pelajar *Techno-Huffaz*

TAHUN	BILANGAN PEMOHON	STATUS LAYAK	BILANGAN PELAJAR MENDAFTAR
2017	17 orang	12	9
2018	19 orang	14	6
2019	16 orang	11	9
2020	30 orang	22	18
2021	30 orang	25	12
2022	34 orang	24	18

Bermula tahun 2019, tawaran pengajian tahfiz dibuka kepada semua jabatan yang merangkumi empat program iaitu program Diploma Pengajian Perniagaan (DPM), Diploma Kejuruteraan Mekanikal (DKM), Diploma Kejuruteraan Awam (DKA) dan Diploma Kejuruteraan Elektrik Komunikasi (DEP). Berikut adalah unjuran semasa bilangan pelajar *Techno-Huffaz* di PSA:

Jadual 2: Unjuran Pelajar Mengikut Jabatan Pengajian bagi Tahun 2021

PROGRAM	BILANGAN MENGIKUT PELAJAR SEMESTER			JUMLAH PELAJAR
	SEM 5	SEM 4	SEM 2	
DPM	3	4	4	10 orang
DKM	-	1	4	5 orang
DKA	-	1	2	3 orang
DEP	-	-	4	4 orang
JUMLAH KESELURUHAN				22 Orang

Tawaran kemasukan ke program ini terbuka kepada semua calon lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Syarat pengambilan terbahagi kepada dua, iaitu syarat mengikut program pengajian dan syarat tambahan yang telah ditetapkan oleh Darul Quran, JAKIM.

4.1 SYARAT PENGAMBILAN MENGIKUT PROGRAM

4.1.1 Diploma Pengajian Perniagaan (DPM)

- i. Memiliki SPM atau setaraf dengannya.
- ii. Lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris, Sejarah, dan Matematik.
- iii. Mendapat lima (5) kepujian dalam mana-mana mata pelajaran termasuk Pendidikan Islam atau Tasawwur Islam atau Syariah Islam atau al-Quran & Sunnah.
- iv. Tidak mempunyai ketidakupayaan penglihatan (buta), pendengaran, fizikal atau masalah pembelajaran yang menyukarkan kerja-kerja amali.

4.1.2 Diploma Kejuruteraan Awam (DKA)/ Diploma Kejuruteraan Mekanikal (DKM)/ Diploma Kejuruteraan Elektronik Komunikasi (DEP)

- i. Memiliki SPM atau setaraf dengannya.
- ii. Lulus dalam mata pelajaran Bahasa Melayu, Bahasa Inggeris dan Sejarah.
- iii. Mendapat Tiga (3) Kepujian dalam mata pelajaran berikut:
 - a. Matematik
 - b. Satu (1) mata pelajaran Sains/ Teknikal/ Vokasional/ Elektif STEM⁵
 - c. Pendidikan Islam/ Tasawur Islam/ Syariah Islam/ al-Quran & Sunnah
- iv. Tidak mempunyai ketidakupayaan penglihatan (buta), pendengaran, fizikal atau masalah pembelajaran yang menyukarkan kerja-kerja amali.
- v. Tidak rabun warna (Program DEP & DKM sahaja).

4.2 SYARAT TAMBAHAN

4.2.1 Bujang

4.2.2 Umur tidak melebihi 21 tahun

4.2.3 Lulus ujian bertulis dan temuduga

⁵ *Science, Technology, Engineering and Mathematic (STEM)*

4.2.4 Mempunyai tahap kesihatan yang baik

4.2.5 Keutamaan diberikan kepada pelajar yang berpengalaman menghafaz sekurang-kurangnya 15 juzuk dan lulus mata pelajaran Bahasa Arab dalam SPM atau setara dengannya.

5.0 SISTEM PENGAJIAN

Sistem pengajian bagi Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM di PSA adalah berdasarkan konsep '*Dual Certification*'. Para pelajar akan melalui dua sistem pengajian sepanjang tempoh di PSA iaitu selama tiga tahun. Bagi pelajar yang mengikuti program tahfiz ini, mereka perlu menamatkan sukatan 6 juzuk hafazan al-Quran setiap semester dan akan selesai 30 juzuk pada semester kelima pengajian. (Zakaria, Model Hafazan al-Quran Techo Hufazz 2022)

Kelas pengajian tahfiz berlangsung pada jam 8 pagi setiap hari (Isnin hingga Jumaat). Setelah selesai kelas tahfiz pada jam 10 pagi, bermula pengajian diploma politeknik mengikut program masing-masing. Selama tempoh dua jam kelas tahfiz berlangsung, para pelajar akan melancarkan hafazan masing-masing kemudian memperdengar hafazan tersebut di hadapan pensyarah. Pelajar juga akan melakukan latihan penulisan ayat-ayat al-Quran (*tahriri*) di samping memperbetul bacaan dan mengulang kaji hafazan. (Zakaria, Model Hafazan al-Quran Techo Hufazz 2022)

Pada penghujung setiap semester, pelajar akan melalui peperiksaan hafazan al-Quran yang telah ditetapkan oleh Unit

Peperiksaan Darul Quran. Peperiksaan ini merangkumi penilaian kaedah lisan (*syafawi*) dan penulisan (*tahriri*) dan hanya dibenarkan diduduki oleh pelajar yang berjaya menghabiskan sukatan setiap semester. Pada semester kelima para pelajar akan diuji untuk keseluruhan semester iaitu 30 juzuk al-Quran untuk melayakkan mereka memperolehi Sijil Tahfiz al-Quran daripada Darul Quran, JAKIM (Zakaria, Model Hafazan al-Quran Techo Hufazz 2022)

Berikut adalah senarai kursus yang perlu diambil oleh pelajar sepertimana yang tertakluk dalam Proforma Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-Politeknik:

Jadual 3: Senarai Kursus Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran di PSA

SEMESTER	NAMA KURSUS	KOD KURSUS	JAM KREDIT
1	HIFZ AL-QURAN SYAFAWI 1	STPO 1013	3
	HIFZ AL-QURAN TAHRIRI 1	STPO 1023	3
	TAJWID ILMI 1	STPO 1122	2
	TAJWID AMALI 1	STPO 1142	3
	COMMUNICATIVE ENGLISH 1	STPO 1222	3
2	HIFZ AL-QURAN SYAFAWI 2	STPO 1033	3
	HIFZ AL-QURAN TAHRIRI 2	STPO 1043	3
	TAJWID ILMI 2	STPO 1132	2
	TAJWID AMALI 2	STPO 1152	2
	PENGAJIAN ISLAM	STPO 1242	2
	SAINS TEKNOLOGI DAN	STPO 1252	2

	KEJURUTERAAN DALAM ISLAM		
	PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN	STOP 1212	2
3	HIFZ AL-QURAN SYAFAWI 3	STPO 2053	3
	HIFZ AL-QURAN TAHRIRI 3	STPO 2063	3
	TAJWID AMALI 3	STPO 2162	2
	ADAB HAMALATUL QURAN	STPO 2113	3
	FIQH IBADAH	STPO 2242	2
	COMMUNICATIVE ENGLISH 2	STPO 2232	2
4	HIFZ AL-QURAN SYAFAWI 4	STPO 2073	3
	HIFZ AL-QURAN TAHRIRI 4	STPO 2083	3
	TAJWID AMALI 4	STPO 2172	2
	TAFSIR AYAT- AYAT PILIHAN	STPO 2203	3
5	HIFZ AL-QURAN SYAFAWI 5	STPO 3093	3
	HIFZ AL-QURAN TAHRIRI 5	STPO 3103	3
	TAJWID AMALI 5	STPO 3182	2
	JUMLAH JAM		64

6.0 PROGRAM PEMBANGUNAN PELAJAR

Dalam usaha memastikan pembangunan pelajar ini selari dari segi intelektual dan emosinya pelbagai usaha telah dijalankan ke arah mencapai matlamat tersebut. Terdapat empat program yang perlu

dilaksanakan dalam setahun pada setiap sesi pengajian akademik iaitu Kem Intensif Hafazan al-Quran dan Kem Persediaan Peperiksaan.

Kem Intensif Hafazan al-Quran ini dilaksanakan bagi memberi dorongan kepada para pelajar untuk terus istiqomah dalam menghafaz al-Quran di samping membuka ruang kepada pelajar untuk mencukupkan jumlah hafazan semasa. Proses ini dilihat sangat membantu pelajar, kerana isolasi sementara dari jadual pengajian yang padat dapat membantu pelajar yang ketinggalan dari segi silibus hafazan dan penulisan tahriri.

Manakala Kem Persediaan Peperiksaan berfokus kepada proses mengulang hafazan yang tersusun selain meningkat motivasi pelajar bagi menghadapi peperiksaan. Hal ini kerana bagi pelajar Techno-Huffaz, mereka perlu menghadapi dua peperiksaan besar iaitu peperiksaan akhir bagi program diploma serta peperiksaan akhir bagi pensijilan tahfiz pada sesi pengajian akademik yang sama. Program ini dikira sebagai wahana yang mampu memacu para pelajar untuk terus cemerlang di dalam kedua-dua bidang pengajian yang diambil.

Bukan itu sahaja, selain daripada program wajib, terdapat juga program tambahan yang dijalankan. Berikut merupakan program-program lain yang turut menyokong kepada pembangunan pelajar:

Jadual 4: Senarai Program Pembangunan Pelajar

BIL	PROGRAM	TARIKH	TEMPAT
1	Kem Huffaz Cemerlang	10-12 Mei 2019	Ulu Yam
2	Kem Hafazan Turbo	17-20 Ogos 2019	De Palma Hotel, Shah Alam
3	Program Kembara Huffaz	11- 12 September 2019	Pulau Perhentian
4	Penanda Aras Tahfiz	13 September 2019	SM Intiaz, Besut
5	Program Mafatih Mahabbah	2 November 2021	Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.
6	MSU Quranic League	4-8 April 2022	Management & Science Univercity (MSU)
7	Majlis Khatam Al-Quran dan Penyampaian Hadiah Kecemerlangan Techno Huffaz	20 April 2022	PSA
8	Huffaz Circle	31 Mei 2022	PSA
9	Pertandingan Menghafal Al-Quran ITQAN peringkat Kebangsaan	4-5 Jun 2022	Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
10	Majlis Bacaan Yasin Sempena Minggu TVET Negara 2022	19 Jun 2022	PSA
11	Pertandingan Menghafal Al-Quran Negeri Selangor	14 Julai 2022	Pejabat Agama Daerah Klang

	(Peringkat Daerah Klang)		
12	Istiadat Konvokesyen Darul Quran JAKIM ke-30	23 Julai 2022	Darul Quran, JAKIM
13	Temuduga Kemasukan Pelajar Baharu Sesi 1 2022/2023	28 Julai 2022	PSA
14	Bengkel Pemantapan Dokumen PdP Techno-Huffaz	2-4 ogos 2022	Regalia Hotel, Kuala Lumpur
15	Hari Suai Kenal Pelajar Baru Techno-Huffaz	22 Ogos 2022	PSA
16	Diskusi Hala Tuju Program Pensijilan Tahfiz JAKIM- Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah dan Pelancaran Modul Interaktif Techno-Huffaz	24 Ogos 2022	Darul Quran, JAKIM
17	Kem Huffaz Teknokrat	28-30 Oktober 2022	Institut Latihan FELDA, Bidor, Perak

7.0 IMPAK MODUL TECH

Pelaksanaan Program *Techno-Huffaz* ini telah berjaya membentuk satu suasana dan ruang lingkup yang baru di bumi PSA sendiri. Buah yang berteraskan al-Quran serta silibus yang memacu ke arah generasi Ulul

Albab menjadikan graduan yang lahir daripada program ini mempunyai keupayaan yang sangat tinggi untuk mendepani alam pekerjaan yang mencabar. Bukan itu sahaja, ia juga mencorak pemikiran pelajar secara holistik dan seimbang di antara ilmu teknikal dan ilmu Islam.

Berikut merupakan rajah bagi unjuran impak Model *Techno-Huffaz* (Zakaria, Penggunaan Media Pembelajaran Digital Dalam Pengajaran Techno Huffaz PSA Era Pandemik 2021:

Rajah 1: Unjuran Impak Pelaksanaan Model *Techno-Huffaz*



8.0 PENGLIBATAN DAN KEJAYAAN

Bermula di awal penubuhan, pelajar *Techno-Huffaz* terlibat dengan pelbagai jenis lapangan. Membangunkan projek inovasi menjadi satu kebiasaan kepada mereka. Ilmu kepakaran bidang teknikal yang dipelajari dapat diterjemahkan melalui program-program peningkatan kemahiran yang telah disediakan oleh PSA serta agensi luar kampus.

Tidak hanya menumpukan kepada pembangunan akademik, pelajar *Techno-Huffaz* juga terlibat dengan pelbagai pertandingan hafazan al-Quran seperti Pertandingan Hafazan Al-Quran ITQAN dan Pertandingan Tilawah dan Menghafal al-Quran peringkat negeri. Pertandingan seperti ini dapat membantu proses hafalan al-Quran mereka supaya sentiasa kekal dalam ingatan. Program-program seperti ini juga menjadi medan untuk mengasah bakat para pelajar dan menjadi pemangkin untuk melahirkan graduan holistik.

Tahun 2020, satu sejarah baru telah dilakar oleh PSA apabila berjaya melahirkan *huffaz* pertama bagi generasi sulung *Techno-Huffaz* yang berjaya mengkhatamkan hafazan 30 juzuk al-Quran iaitu Muhammad Firdaus Naim bin Yuswan, pelajar dari Jabatan Perdagangan di bawah program Diploma Pengurusan Perniagaan (DPM). Detik bersejarah itu dirakam pada hari Jumaat, 01 Ramadhan 1441H bersamaan 24 April 2020. Beliau mula mendaftar sebagai pelajar *Techno-Huffaz* pada bulan Jun 2017 dan mengambil masa selama 3 tahun untuk merealisasikan impian beliau untuk menjadi seorang penghafaz al-Quran. Setelah melalui sesi pengujian 30 juzuk

al-Quran dalam peperiksaan semester akhir dan berjaya lulus pada bulan Ogos tahun 2020. (Yusup 2021)

Kejayaan ini disambut pula pada generasi seterusnya iaitu pelajar ambilan sesi 2018 dan ambilan sesi 2019 di mana seramai empat pelajar telah berjaya bergraduasi dengan hafazan 30 juzuk al-Quran. Majlis graduasi yang dilaksanakan pada 01 – 02 Oktober 2022 telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) YB Senator Dato' Hj. Idris bin Hj. Ahmad bertempat di Darul Quran JAKIM, Kuala Kubu Bharu. Selain menggenggam Diploma Pengurusan Perniagaan, Muhammad Zikrul Safwan, Muhammad Amir Syakir Norazmi, Nadia Atifah Mamat serta seorang pelajar jurusan Diploma Kejuruteraan Awam, Nurul Nabihah Romlah telah membuktikan hasrat PSA dalam mendokong kepada kesinambungan Dasar Pendidikan Tahfiz Negara 2016 bukanlah suatu perkara yang mustahil dan wajar untuk diteruskan. (Kosmo 2022)

Bukan itu sahaja, PSA telah melebarkan sayapnya dengan memperkenalkan Techuffaz e-Modul yang bertujuan untuk memudahkan pelajar untuk mengakes dan memperoleh ilmu hanya dengan menggunakan telefon pintar sahaja. E-Model ini dilengkapi dengan ruangan pengimbas kod QR yang akan memaparkan terus video berdurasi lima ke lima belas minit bagi setiap topik yang dibahaskan. Hal ini menjadikan proses pembelajaran tersebut lebih interaktif dan menarik. Inovasi ini telah menyebabkan PSA dianugerahkan pingat gangsa di dalam Pertandingan Inovasi Pensyarah TVET Peringkat Kebangsaan Pada 2021 dengan usul yang dibentangkan iaitu Model

Tech: Perintis Modul Pengajaran dan Pembelajaran Tahfiz Teknikal Politeknik di PSA.

9.0 PENUTUP

Techno-Huffaz merupakan cetusan idea yang dibina bagi melestarikan kesinambungan pengajian bagi pelajar lepasan SPM aliran tahfiz. Persepsi yang mengatakan bahawa kebolehpasaran bagi graduan tahfiz ini rendah perlu diubah dan diganti dengan fakta yang benar. Dapatan yang memaparkan bahawa pihak industri lebih cenderung untuk memilih pekerja yang berintegriti untuk berkerja bersama-sama dengan mereka. Hal ini kerana nilai-nilai murni bersulam Islam akan membentuk persekitaran kerja yang kondusif dan ceria dan inilah yang menjadi nilai tambah kepada pelajar graduan *Techno-Huffaz* di PSA. Namun begitu, usaha ini perlu diteruskan lagi dan tidak hanya tertumpu sehingga di sini sahaja. Diharap Program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM-Politeknik ini mampu dijadikan sebagai *benchmarking* atau penanda aras bagi politeknik yang lain untuk mengabungjalin program diploma yang sedia ada dengan pengajian tahfiz di tempat masing-masing.

Bibliografi

- Alias mat saad, Abu Zarrin Selamat, Norhayati Fatmi Talib, Yusni Mohamad Yusak Zuhair Abd Rahman, Zainab Hanina Abdull Samad. 2014. "Kertas Cadangan Pelaksanaan Program Tahfiz Model Ulul Albab Di Politeknik." 1-10.
- Azmil Hashim, Misnan Jemali. 2015. "Kajian Mengenai Hubungan Antara Teknik Pembelajaran Tahfiz Dan Pencapaian Hafazan Al-Quran Para Pelajar." *Jurnal Perspektif* 15-25.
- Kosmo, Keratan Akhbar. 2022. "Graduan Kemahiran Diburu Pasaran." Oktober Isnin: 6.
- Muhammad Toriq Yaacob, Abdul Razak Mohd Zain. 2018. "Perkembangan Tahfiz al-Quran : Suatu Kajian di Darul Quran." *Koleksi Kajian Darul Quran*.
- Pustaka, Dewan Bahasa dan. 2018. *Kamus Dewan*. Dewan Bahasa dan Pustaka,.
- Rashid, Tajuddin Bin Abdul. 2016. *Kertas Cadangan Permohonan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Bagi Menawarkan Program Pensijilan Tahfiz al-Quran JAKIM – Politeknik KPTM*. Kertas Cadangan, Shah Alam: Jabatan Pendidikan Politeknik Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia.
- Syihab, M. Quraish. 2002. *Tafsir al-Misbah*. Jakarta: Lentera Hati.
- Yusni Mohamad Yusak, Mohd. Aderi Che Noh. 2016. "Halatuju Program Tahfiz di Politeknik Malaysia: Satu Tinjauan Awal." *Wacana Pendidikan Islam* (Institut Latihan Islam Malaysia (ILIM), Bangi,) 445-453.
- Yusoff, Darni bt Mohamed. 2016. "Pra Tahfiz al-Quran al-Karim." *Program Pra Tahfiz Sesi Jun 2016* 1-9.
- Yusup, Siti Haliza. 2021. "Graduan Sulung Tekno Hufazz PSA Terima Sijil." Disember Selasa.
- Zakaria, Muhammad Sofiyuddin bin. 2022. *Model Hafazan al-Quran Techno Hufaz*. Shah Alam: Unit Penerbitan PSA.

—. 2021. "Penggunaan Media Pembelajaran Digital Dalam Pengajaran Techno Huffaz PSA Era Pandemi." *5th Asia Pacific Conference on Educational management and Leadership (APSEMal2020)*. Tanjung Malim, Perak: Uniersiti Pendidikan Sultan Idris. 545-552

Proforma Program Pensijilan Tahfiz Al-Quran JAKIM-Politeknik. Kuala Kubu Bharu. Darul Quran.

Laman sesawang Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti. Diperoleh pada Mac 26, 2023 daripada <https://www.mypolycc.edu.my>

Laman sesawang Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah. Diperoleh pada Mac 26 2023 daripada <https://psa.mypolycc.edu.my/>